

"DARIPADA Abdullah bin Umar ia berkata, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Seseorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya, dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Seseorang isteri adalah pemimpin dalam mengurus rumahtangga suaminya, dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya."
- Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Al-Bukhari

EKSPO TAMPILKAN PENIAGA PRODUK, SIJIL, PERMIT HALAL

BRUNEI 2023
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Jun. - Ekspo Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban merupakan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam usaha mendukung pertumbuhan ekonomi tempatan khususnya dalam industri halal.

Sehubungan itu, pelancaran ekspo berkenaan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB) hari ini disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Adapun ekspo tersebut dibuka secara percuma bagi

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad, Muhammad Najib Lubawi
Mohammad Sufri

kunjungan orang ramai selama tiga hari iaitu dari 5 hingga 7 Jun 2023, mulai jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam bertempat di Ruang Legar, BKISHHB, Jalan Pengiran Babu Raja, di sini.

Pengunjung ekspo dan pameran juga berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan tentang isu-isu kontemporari halal, mengetahui peranan agensi-agensi kerajaan dan berautoriti dalam pensijilan halal serta berinteraksi dengan badan-badan pensijilan halal dari negara-negara serantau dan antarabangsa.

Selain itu, ekspo ini juga menampilkan peniaga-peniaga produk yang mempunyai Sijil Halal dan Permit Halal serta syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) yang terlibat secara langsung dengan industri

halal.

Orang ramai khususnya peniaga-peniaga industri berkaitan halal yang ingin menaik taraf kualiti produk dan perniagaan, para pelajar dan pengkaji bidang halal serta orang-orang yang berminat adalah sangat dialu-alukan untuk mengunjungi ekspo berkenaan.

Dianjurkan bersama oleh KHEU dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), ekspo ini diadakan bagi mendukung Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-6 (SAPPHAT VI) bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2023 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition - MYCE 2023) kelolaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Ekspo Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyaksikan lebih dekat Pameran Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban 2023.

disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), D'Sunlit Sdn. Bhd., Ezy Printing Services &

Trading Co. Sdn. Bhd., Ghanim International Corporation Sdn. Bhd., Marimin Sdn. Bhd. serta T.L.T Enterprise.